

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI ISNIN, 13HB DISEMBER. 1982 PUKUL 2.30 PETANG

Bil. 4

1

PERTANYAAN-~~PERTANYAAN~~ BAGI JAWAB MULUT

- *1. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kenyataan telahpun dibuat mengenai rancangan Kerajaan untuk membina sebatang jalanraya yang menyambung Bandar Ipoh terus ke Cameron Highlands melalui jalan Kepayang/Sg. Raya untuk menarik para pelancong mengunjungi Bandar Ipoh dan bandar-bandar lain; jika sedar apakah kedudukan rancangan-rancangan ini sekarang.
- *2. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau ingin membuat perubahan semula terhadap susunan kepada Kastam atau "Custom Headings" agar tidak menimbulkan keliruan kepada peniaga-peniaga.
- *3. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan:-
- (a) sama ada Kerajaan akan mewujudkan sukatan daya menghasilkan perkhidmatan awam dengan mencatat rekod masa untuk menentukan produktif harian dan bulanan bagi setiap individu;
 - (b) sama ada Kerajaan akan mengkomputerkan, menggunakan alat automatik dan menggunakan mesin-mesin bagi kebanyakan kerja ulangjelak secara tujuan untuk menambahkan daya pengeluaran; dan mengurangkan perbelanjaan mengurus; dan
 - (c) sama ada Rundingan Kawalan Kualiti akan diwujudkan.

/gr.

- *4. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat sebahagian daripada pelajar-pelajar di luar negeri terutama di United Kingdom yang mendapat bantuan penuh (Biasiswa) telah melangsungkan perkahwinan sesama mereka; jika sedar apakah tindakan yang akan diambil dan sama ada perkahwinan ini menjejaskan tumpuan mereka terhadap pelajaran.
- *5. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah keluasan bendang yang terlibat dalam penyakit merah padi yang berlaku di Perlis dan Kedah dan sebanyak manakah kerugian yang ditafsirkan dan apakah pandangan Kerajaan di atas bencana yang menimpa petani-petani tersebut dan tindakan positif yang telah diambil dan yang akan diambil untuk mengatasi masalah yang dialami oleh petani-petani itu.
- *6. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Kewangan menyatakan nombor nisbah semasa bagi memperkhidmatan hutang-hutang negara (iaitu current debt servicing ratio) dan apakah datar atau paras optima bagi pinjaman-pinjaman untuk menanggung perbelanjaan-perbelanjaan baik berulang ataupun untuk pembangunan negara dan apakah rancangan yang telah dirumuskan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman ini dalam tempoh pendek dan dalam tempoh panjang.
- *7. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru pelatih bagi tempoh 1980 hingga hari ini mengikut tahunj dan apakah kadar attrisi (attrition rate) dalam perkhidmatan pengajaran mengikut alat pengantar dan sama ada bilangan guru-guru pelatih kini akan dapat memenuhi kekurangan guru-guru terlatih. Jika tidak, mengapa.
- *8. Puan Ragayah binti Ariff minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah Kementerian berkait dengan kejatohan harga kelapa dan koko di pasaran sekarang, kerana kedua-dua bahan ini adalah menjadi sumber rezeki kepada pekebun-pekebun kecil di seluruh tanah air, dan sama ada Kementerian berkenaan bercadang untuk menjalankan penyelidikan ke arah memperbagaikan penggunaan kelapa dengan mendirikan Industri-industri bagi memproses bahan-bahan tersebut.
- *9. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kewangan yang dapat dijimatkan hasil dari usaha jimat cermat Kerajaan di dalam menghadapi masalah kemelesetan ekonomi dunia pada hari ini.
- *10. Dato' Yap Peng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji semua dasar pelepasan cukai pendapatan supaya akan menggalakkan lebih ramai lagi bangsa-bangsa asing dan juga rakyat tempatan melabur wang di negeri ini seperti dasar pelepasan cukai pendapatan di negara jiran (Singapura).
- *11. Tuan M.K. Muthusamy minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilangan kelas-kelas KEMAS yang telah diwujudkan di ladang-ladang dan adakah rancangan Menteriannya untuk memberi peluang latihan melalui KEMAS kepada pekerja-pekerja ladang dan keluarga mereka.

/gr.

- *12. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad mints Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat di berbagai tempat di negara kita sekarang pihak-pihak tertentu telah menggunakan nama-nama dan perhiasan-perhiasan yang TIDAK langsung melambangkan identiti Kebudayaan Malaysia tulin, seperti di restoran-restoran kelas tinggi, tempat hiburan dan sebagainya dan jika sedar, apakah tindakan Kerajaan untuk membetulkan keadaan ini.
- #13. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Pardagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan Syarikat berdaftar yang telah turun ke keadaan amanah raya (iaitu receivership) aejak tahun 1981 hingga sekarang, kategori-ka kategori perniagaan bagi syarikat-syarikat tersebut, dan sama ada kajian telah dibuat atas sebab-sebab kegagalan ayarikat-ayarikat tersebut dan apakah tindakan untuk memperbaiki keadaan itu.
- *14. Tuan Alexander Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah tarikh yang ditetapkan untuk pelaksanaan Pelan Induk Kuala Lumpur ini.

/gr.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL

- 1• Usul dibuat oleh Tuan Abdul Razak bin Abu Samah dan Masalah dicadangkan:-

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (10hb Disember, 1982)

/gr.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI SELASA, 14HB_DISEMBER, 1982 PUKUL 2.30 PETANG

Bil.5

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

- *1. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan bilangan penganut Qadiani di seluruh Malaysia; dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap penganut-penganut Qadiani ini.
- *2. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru pelatih yang telah mungkir perjanjian sama ada belum menghabiskan latihan mereka atau sudah menghabiskan latihan tetapi belum mengambil jawatan tugas, dan juga, kategori-kategori murid-murid yang akan terlibat, dan apakah sebab-sebab yang dikemukakan bagi kemungkiran perjanjian oleh guru-guru pelatih itu.
- *3. Puan Hasanah binti Md.Kassim minta Menteri Pelajaran menyatakan:-
 - (a) sama ada terdapat negeri-negeri dalam Malaysia ini yang masih belum mempunyai sekolah-sekolah menengah agama (agama Islam);
 - (b) jika ya, negeri manakah yang belum ada sekolah menengah tersebut; dan
 - (c) sama ada Kerajaan pusat akan mengadakan sekolah menengah agama di negeri yang belum ada sekolah tersebut.
- *4. Tuan Loo Swee Mok minta Menteri Pelajaran menyatakan keputusan-keputusan Peperiksaan Nilai Darjah Lima 1982 (1982 Standard V Assessment Examination) mengikut bahasa pengantar dan juga keputusan setiap mata pelajaran yang diuji dan sama ada keputusan-keputusan peperiksaan nilai telah diperbaiki pada tahun yang lalu. Jika tidak, mengapa tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan itu.
- *5. Tuan Kenneth Kanyan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau akan menimbang menambahkan lagi bilangan projek-projek mini hydro di Sarawak memandangkan banyak terdapat sungai-sungai yang airnya mengalir dengan deras sebagai sumber tenaga letrik bagi penduduk-penduduk luar bandar.
- *6. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan:-
 - (a) mengapa setengah pejabat-pejabat Jabatan Hasil Dalam Negeri menerima risit-risit zakat yang dikeluarkan oleh Jabatan-jabatan Ugama sebagai potongan sah, tanpa ungkat, daripada bayaran cukai pendapatan, dan mengapa setengah pejabat-pejabat minta kira-kira bertulis berkaitan dengan harta benda dan pendapatan seorang Islam dan bukti mengapa jumlah zakat itu tidak berlebihan, sebelum diberinya potongan; dan
 - (b) sama ada kesusahan membuktikan jumlah bayaran zakat diketepikan dan arahan dihantar kepada tiap-tiap pejabat Jabatan Hasil Dalam Negeri.

- *7. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa selalu sangat TV Malaysia menyiarkan ucapan-ucapan Menteri dalam bahasa Inggeris kepada penuntut-penuntut yang terdiri dari rakyat Malaysia, dan perkara ini tidak seharusnya berlaku memandangkan bahasa Kebangsaan kita ialah bahasa Malaysia dan sama ada beliau akan memberi jaminan perkara seperti ini tidak berlaku lagi.
- *8. Dato' Yap Peng minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar yang menuntut di luar negeri dan sama ada beliau bercadang hendak mengurangkan bilangan ini dengan menubuhkan satu lagi universiti tempatan.
- *9. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Pembangunan dan Luar Bandar menyatakan prestasi dan kemajuan projek Amalan Makan dan Pemakanan (AMP) dan;
- (a) adakah projek itu masih lagi dalam peringkat printis atau sudah menjadi projek bagi pelaksanaan terbuka; dan
 - (b) adakah projek itu terus menjadi projek Kerajaan Persekutuan dan tidak akan dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan Negeri.
- *10. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Pelajaran menyatakan:-
- (a) sama ada beliau akan mengambil langkah-langkah positif bagi mempercepatkan pembukaan kelas-kelas bahasa ibunda di sekolah menengah apabila diminta oleh ibubapa penuntut-penuntut; dan
 - (b) sama ada Kementerian beliau akan memberi peruntukan lebih besar sebagai pembayaran elaun guru-guru yang mengajar dalam kelas bahasa ibunda oleh kerana tuntutan bagi membuka kelas bahasa ibunda semakin bertambah.
- *11. Tuan M.K.Muthusamy minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa rancangan pinjaman untuk perumahan melalui EPF untuk pekerja-pekerja adalah tidak memuaskan kerana had maksima pinjaman sebanyak 10% kos rumah yang dibeli itu adalah tidak mencukupi dan sama ada beliau akan menimbang untuk menaikkan had maksima pinjaman ini kepada 25% sekurang-kurangnya khasnya untuk membolehkan pekerja-pekerja membeli rumah kos rendah iaitu rumah-rumah yang kurang dari \$25,000 kosnya.
- *12. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk menambah lagi bilangan doktor untuk bertugas di Langkawi memandangkan bilangan penduduk di Langkawi kini semakin ramai bilangannya akibat dari proses pembangunan yang pesat.
- *13. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah projek pembinaan landasan keretapi yang akan menghubungi Trengganu dengan negeri-negeri lain di Semenanjung sebagaimana kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan Y.B. Dato' Abu Hassan bin Haji Omar di Kuala Trengganu pada 6hb Ogos, 1982 yang lalu akan dimulakan.
- *14. Puan Hasanah binti Md.Kassim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah tindakan Kementerian ke atas Bas Express haram yang berleluasa hingga Bas Express Bumiputra mengalami kerugian.
- *15. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan rumah-rumah murah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam tahun 1983 mengikut negeri-negeri dalam Malaysia.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT

MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA

1. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Datuk Haji Mohamed bin Nasir akan mencadangkan:-

Bahawa Yang Berhormat Dato' Sulaiman Ninam Shah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua.

/gr.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL

1. Usul dibuat oleh Tuan Abdul Razak bin Abu Samah dan Masalah dicadangkan:-

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilangan syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam."

Menyambung semula perbincangan atas masalah (13hb Disember, 1982)

2. (DR.15/82) Rang Undang-undang Perbekalan 1983 Bacaan Kali
Yang Kedua

/sh